

NAMA			
TAHUN	9	TARIKH	

TAJUK: PEMERINTAHAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH SULTAN BRUNEI KE-29 DALAM PERLEMBAGAAN LATIHAN 2: MAJLIS PERUNDINGAN MUKIM DAN KAMPUNG.

ARAHAN:

RUJUK JAWAPAN: BUKU MELAYU ISLAM BERAJA, MENENGAH V, MUKASURAT 69 & 70.

seliaan	keselamatan	Perundingan	penghulu	kesempatan
matlamat	rakyat	berbeza-beza	penasihat	setiakawan
dilaksanakan	ketua kampung	negatif	pandangan	dipengerusikan
badan pemikir	mendukung	tanggungjawab	keselamatan	dianaktirikan


Menjaga _____(1) adalah tugas semua rakyat dan penduduk negara ini bukan hanya tugas ketua kampung dan pihak polis atau askar semata-mata. Bagi mengemaskan institusi _____(2), Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menubuhkan Majlis _____(3) Mukim dan Kampung. Majlis ini dilancarkan penubuhannya pada bulan Februari 1993.

Majlis ini diletakkan di bawah _____(4) sebuah Lembaga Pengelola yang berpejabat di Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri. Bagi setiap mukim ditubuhkan majlis perundingan mukim yang _____(5) oleh penghulu, manakala bagi setiap kampung ditubuhkan majlis perundingan kampung yang dipengerusikan oleh ketua kampung. Kedua-dua majlis tersebut dianggotai oleh imam, guru besar dan pengetua sekolah serta tokoh-tokoh masyarakat yang terdiri daripada ahli perniagaan di kampung dan mukim berkenaan. Majlis-majlis itu mempunyai _____(6) yang terdiri daripada orang-orang kenamaan dan orang bergelar, termasuk menteri atau timbalan menteri.

Penduduk sesebuah kampung terdiri daripada _____(7) dan penduduk yang berbagai kaum yang _____(8) dari segi keturunan, agama, pekerjaan dan taraf ekonomi. Jadi keperluan dan masalah mereka juga pastinya berlainan. Tiap-tiap kelompok mempunyai wakil dalam majlis ini. Mereka diberi _____(9) untuk

menyatakan masalah dan keperluan masing-masing dan tiada satu pihak pun yang dihalang berbuat demikian. Majlis ini sedia mendengar aduan-aduan daripada ahlinya termasuk kelemahan institusi ketua kampung. Dengan demikian soal tidak puas hati, rasa _____(10), tuduhan berat sebelah dan lain-lain tanggapan _____(11) tidak akan timbul di kalangan ahli masyarakat. Semua hal dapat difikirkan bersama dan dicarikan jalan penyelesaiannya dalam semangat kerjasama dan _____(12). Selain daripada itu majlis perundingan mukim dan kampung juga boleh membantu institusi ketua kampung dan _____(13) untuk menjalankan kegiatan sosial. Misalnya majlis ini menasihati ketua kampung dan penghulu untuk menubuhkan persatuan-persatuan dan pertubuhan-pertubuhan dan seterusnya memberi _____(14) cara menggerakkannya, seperti persatuan peladang, persatuan belia, pertubuhan seni silat dan sebagainya.

Dengan kata lain, majlis perundingan mukim dan kampung ini dapat dianggap sebagai _____(15), penasihat, pemandu, penggerak, serta menjadi tangan kanan kepada institusi ketua kampung dan penghulu. Segala keputusan yang diambilnya akan dijadikan panduan oleh para penghulu dan ketua kampung dalam melaksanakan tugas dan _____(16) mereka masing-masing, baik untuk tujuan _____(17) mahu pun untuk tujuan pembangunan. Dengan itu para penghulu dan ketua kampung juga dapat meningkatkan keberkesanan kepimpinan mereka dan seterusnya proses memupuk semangat kewarganegaraan yang baik dalam _____(18) kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang menjadi salah satu _____(19) penubuhan majlis-majlis tersebut dapat _____(20) dengan licin.



TARIKH: